

08/05/1997

Muzium jed terbesar mungkin ditutup

Manja

DARI luar, banglo setingkat di Jalan Bukit Bintang itu tidak mempunyai sebarang keistimewaan kecuali papan tandanya berbunyi `Jade Museum - mengandungi jed terbesar di dunia'. Hasrat menyaksikan koleksi di muzium itu timbul apabila pemiliknya, Norlinah Roxanne Ng K B Abdullah berulang kali mengundang kita ke sana terutama apabila ada koleksi baru.

Bagaimanapun, panggilanannya minggu lalu berlainan nada. Jika sebelum ini, Norlinah bersemangat menceritakan koleksinya, kali ini dia mengadu kemungkinan muzium itu ditutup kerana pelbagai masalah. Begitupun, dia tetap mengundang supaya datang sendiri melihat muzium itu. Akhirnya, Ahad lalu, undangan itu kita penuhi bersama seorang rakan.

Ketibaan kami disambut oleh Norlinah dan suaminya, Mohamed Yaacob See Mee Chuan. Ketika itu, hanya mereka berdua yang ada, manakala beberapa pekerjanya bercuti. Berbeza dengan pandangan dari luar, di dalam banglo usang itu terkumpul kira-kira 700 koleksi jed sejak zaman awal tamadun China, termasuk sebuah arca jed yang didakwa terbesar di dunia bernilai AS\$479 juta (RM1.19 bilion). Turut dipamer ialah arca pasangan purba China di zaman Dinasti Chou (1122-771 SM); arca wanita daripada jed putih (1271M); arca naga berusia 5,000 tahun; jed biru putih melambangkan pemerintahan Islam Dinasti Ming (1368-1644M); dan buku jed terpanjang yang mengandungi ajaran Confucious.

Kisah bagaimana koleksi berharga itu berada di tangan pasangan ini, cukup menarik. Mohamed Yaacob See mempunyai salasilah keturunan hulubalang sejak zaman Dinasti Ming. Arwah bapanya, Ketua Hakim Jeneral See Kai Chen ialah hulubalang terakhir dalam keluarga itu, yang mewarisi lima generasi `hulubalang Perdana Menteri'. Norlinah mendakwa, salah seorang nenek moyang suaminya ialah pemberi kebenaran kepada Laksamana Cheng Ho melawat Melaka pada 1403. Sehingga 1911, semua keluarga See dikatakan setia kepada maharaja sehinggalah bapa Mohamed Yaacob menyertai gerakan kebangsaan pimpinan Dr Sun Yat Sen. Bagaimanapun sebelum itu, dia menghantar keluarganya ke Hong Kong dan Pulau Pinang bersama lima kapal yang mengandungi koleksi jed. Apabila Jeneral See meninggal dunia pada akhir 1970-an, beliau mewasiatkan kepada Mohamed Yaacob See supaya menjaga koleksi itu, manakala tujuh lagi anaknya diberikan pesaka lain dalam bentuk harta dan wang. Mohamed Yaacob See pula melanjutkan pelajaran di Indonesia dan menghabiskan zaman mudanya di Hong Kong. Norlinah mendakwa, suaminya pernah menjadi pengeluar dan pengarah filem di Hong Kong sehingga dimarahi oleh bapanya, lalu syarikat itu dijual kepada Rumne Shaw yang menjadi gergasi filem Asia sehingga kini.

Bersama gambar nenek moyang Mohamed Yaacob yang digantung pada dinding muzium itu, turut terpampang ialah gambar beliau dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta beberapa keratan akhbar mengenai tokoh yang pernah mengunjungi muzium itu. Bagaimanapun, dalam pertemuan itu, Mohamed Yaacob tidak banyak bercakap kecuali sesekali menyampuk dalam bahasa Melayu dialek Indonesia. Cuma apabila ditanya berapa nilai koleksi itu, dengan nada agak tinggi beliau berkata: "Jika ditawarkan RM100 bilion sekalipun, saya tidak akan jual. Kerana itu, jangan tanya nilainya."

Kerana ruangan sempit, susunan koleksi berharga itu tidak sekemas balai pameran muzium. Tetapi itu tidak menjadi masalah kerana menurut Norlinah, muzium itu mendapat sambutan terutama daripada pelancong asing. Yang menjadi masalah, katanya, tapak banglo yang disewanya RM10,000 sebulan sejak dua tahun lalu itu, akan diambil alih oleh kerajaan untuk pembesaran

jalan. Mereka tidak keberatan pindah. Yang menjadi masalah ialah pembiayaan untuk mencari tapak sesuai. Sehingga kini pelbagai usaha dicuba dan pasangan itu puas memasuki pintu bank berbekalkan sekeping surat sokongan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik, untuk mendapat pinjaman. Jawapan bank ialah: "Jika untuk buka kilang boleh tetapi buka muzium, mana ada untung!"

Dua tahun lalu, koleksi jed itu ditempatkan di sebuah banglo mereka di Kelana Jaya dan mendapat jaminan sokongan daripada Kerajaan Selangor. Untuk beberapa waktu, mereka beroperasi di situ sehingga menerima notis berpindah daripada Majlis Perbandaran Petaling Jaya, menyebabkan ia berpindah ke tempat sekarang. Sehingga kini, pasangan itu mendakwa sudah membelanjakan RM5 juta dan mahu menjual banglonya di Kelana Jaya bagi menampung pembiayaan muzium itu.

Begitupun, tekad pasangan itu untuk menyelamatkan warisan itu bukannya tidak mendapat simpati. Mereka mendapat tawaran organisasi dan muzium dari Amerika, Perancis, Britain, Australia dan China supaya semua koleksi untuk dibawa secara kekal ke sana. Malah, Norlinah menunjukkan salinan surat tawaran terbaru dari kerajaan Australia yang menawarkan ruang pameran tetap di sebuah kompleks beli-belah moden secara percuma dengan syarat koleksi itu dipindahkan terus ke sana. "Tetapi Mohamed Yaacoblah yang tetap mahu mempamerkan koleksi itu di negara ini.

(END)